

MANFAAT POTENSI BESAR RANTAU, KOMUNITI ASEAN

13 May 2016

- The Borneo Post Online
Oleh Agnes Tugong



RASMI: Dr Sim (dua kiri) melakukan simbolik perasmian Persidangan ACE di sebuah hotel terkemuka di Kuching, semalam.

KUCHING: Pemain industri khususnya dari Sarawak digesa memanfaatkan sepenuhnya potensi besar yang terbentang luas dalam rantau atau komuniti ASEAN.

Senator Datuk Dr Sim Kui Hian berkata, komuniti ASEAN mempunyai 600 juta rakyat dengan 50 peratus daripadanya berusia kurang daripada 30 tahun.

Malah katanya, komuniti ASEAN merupakan tenaga kerja ketiga terbesar dunia dan bakal menuju ke arah bidang ekonomi yang sangat signifikan.

“Sebab itu saya amat menggalakkan rakyat ASEAN terutama para usahawan termasuk dari Sarawak supaya bersama-sama memanfaatkan peluang ini.

“Kerajaan hanya boleh membantu dari segi pelaksanaan polisi tetapi andalah yang memainkan peranan untuk merealisasikan perkara-perkara ini,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Persidangan Usahawan ASEAN-China (ACE) mewakili Ketua Menteri Datuk Patinggi Tan Sri Adenan Satem semalam.

Persidangan dua hari pada 12 dan 13 Mei ini berlangsung di sebuah hotel terkemuka di sini dengan penyertaan lebih 500 delegasi tempatan dan antarabangsa.

Dalam perkembangan berkaitan, Dr Sim yang juga presiden SUPP berkata Sarawak mempunyai potensi yang besar untuk diceburi oleh para pemain industri dari rantau ASEAN.

Katanya, selain SCORE (Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak), Sarawak juga berpotensi besar dalam bidang pelancongan dan bidang-bidang lain seperti penjagaan kesihatan.

“Kita di Malaysia dan Sarawak beruntung kerana mempunyai hubungan diplomatik dua hala yang telah terjalin selama 40 tahun dengan China.

“Hubungan ini bukan sahaja memberi kelebihan kepada kita dalam sektor perdagangan tetapi juga bidang-bidang lain yang memerlukan kerjasama dengan China,” ujarinya.

Mengulas mengenai persidangan itu, Dr Sim menyatakan rasa gembira dengan penyertaan ramai delegasi berbanding penganjuran sebelumnya tahun lepas.

Turut hadir pada perasmian persidangan itu semalam, Konsul Jeneral Konsulat China di Kuching Fu Jijun, Setiausaha Agung Pusat ASEAN-China Yang Xiuping, Naib Canselor UNIMAS Profesor Datuk Dr Mohamad Kadim Saudi dan yang lain.